

Inspira*si*

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 15: 13 Mei 2024

Mesyuarat Lembaga Penasihat PALAPES Siri 1/2024

Tanjong Malim, 2 Mei - Mesyuarat Lembaga Penasihat Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Awam (UA) Tahun 2024 telah diadakan di Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Kampus Sultan Azlan Shah yang dipengerusikan oleh Timbalan Panglima Tentera Darat, Leftenan Jeneral Dato' Tengku Muhammad Fauzi Tengku Ibrahim.

Mesyuarat LPP UA ini turut melibatkan kehadiran Panglima Latihan Tentera Darat, Naib Canselor UA yang merangkap sebagai Komandan PALAPES, wakil dari Markas Formasi Tentera Darat serta wakil Kementerian Pengajian Tinggi (KPT).

Tujuan mesyuarat ini dilaksanakan adalah bagi membincangkan dasar, hala tuju PALAPES UA dan sebagai medium berinteraksi antara Kepimpinan Tertinggi Tentera Darat dan Pentadbiran Tertinggi UA. Turut diadakan pembentangan Pelaporan PALAPES Tahun 2024 dan pembentangan Penganjuran Istiadat Pentauliah Diraja Pegawai Kadet PALAPES UA ke-42 yang bakal diadakan di UPSI pada September.

Panglima Latihan Tentera Darat, Mejar Jeneral Datuk Marzuki Mokhtar juga turut mengambil kesempatan berjumpa secara dekat dengan Pegawai Kadet PALAPES UPSI untuk memberikan nasihat dan kata-kata semangat untuk dijadikan panduan hidup.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



Kerjasama Antara FSK, UPSI dan Directorate General of Islamic Education, Kementerian Agama Republik Indonesia

Tanjong Malim, 7 Mei- Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK) telah menganjurkan satu perbincangan penting mengenai kerjasama akademik dengan Direktorat Jendral Pendidikan Islam, Kementerian Agama Republik Indonesia (KEMENAG). Perbincangan ini bertujuan untuk memperkukuhkan lagi hubungan antara kedua-dua pihak khususnya dalam bidang pendidikan Islam.

UPSI diwakili oleh Prof Dr Abdul Rahim Razalli, Timbalan Naib

Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UPSI membentangkan kemudahan dan fasiliti sedia ada di UPSI, serta berkongsi prestasi dan pencapaian UPSI kepada delegasi KEMENAG.

Beliau berkata "Pihak UPSI menyambut baik niat dan usaha dari KEMENAG yang seiring dengan usaha UPSI untuk mengukuhkan kedudukannya di peringkat antarabangsa. Pelajar yang akan dihantar oleh KEMENAG adalah usaha yang sangat baik bagi mencapai visi UPSI Global dan diharapkan agar perbincangan ini akan

diteruskan lagi dengan lebih banyak usaha sama pada masa akan datang." Sementara itu, KEMENAG Indonesia diwakili oleh Sekretaris Jendral KEMENAG, Prof. Dr. Muhammad Ali Ramdani menyatakan kesungguhan pihak KEMENAG untuk memenuhi usaha sama yang telah ditandatangani sebelum ini. Beliau juga berkongsi visi dan misi bagi memajukan industri pesantren, serta komitmen beliau untuk saling berkongsi kemahiran dan pengalaman dengan UPSI khususnya dalam bidang Pendidikan Islam.

Semakan semula Modul Pensijilan Profesional Ulul Albab

Kuala Lumpur, 28 April- Bengkel semakan semula Modul Pensijilan Profesional Ulul Albab yang dianjurkan oleh Pusat Ulul Albab telah berlangsung dari 1 hingga 3 Mac lalu. Bengkel yang disertai oleh 30 orang penulis modul sedia ada serta beberapa penulis baharu yang dilantik ini bertujuan untuk menambahbaik modul dan pentaksiran sedia

ada agar lebih sesuai dengan keperluan situasi semasa. Ia turut bertepatan dengan hasrat Naib Canselor dalam meningkatkan kemahiran dan keupayaan mahasiswa UPSI yang rata-ratanya adalah bakal-bakal guru khususnya di Malaysia.

Turut memberi sokongan bagi bengkel ini adalah Timbalan Naib

Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof. Dr. Norkhalid Salimin. Beliau turut menyampaikan amanat serta perkongsian pada slot pertama bengkel dengan memberi penekanan terhadap beberapa isu berkaitan mahasiswa yang menuntut kreativiti serta usaha keras setiap Pusat Tanggungjawab (PTj) bawah portfolio beliau.



Syarahan Tamu 2024 oleh Datuk Dr. Mohd Zabri Yusof

Bangi, 9 Mei - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui Fakulti Sains Kemanusiaan menganjurkan program Syarahan Tamu yang bertemakan "Memaknai Citra Madani Tadbir Urus Star, Satu Naratif" yang diadakan pada 9 Mei bertempat di Auditorium Kampus Sultan Abdul Jalil Shah (KSAJS), UPSI.

Penganjuran program Syarahan Tamu 2024 ini selaras dengan tujuan penubuhan Pusat Penyelidikan Kesejahteraan

Sosiobudaya Malaysia (KESUMA) dan merupakan langkah intensif UPSI yang ingin menggerakkan penyelidikan, pendidikan dan kegiatan masyarakat untuk memperkukuhkan konsep masyarakat Madani dalam kalangan mahasiswa, ilmunan, agensi kerajaan, badan bukan kerajaan serta pihak swasta sejajar dengan peranan universiti untuk menggerakkan pendidikan dan penyelidikan berterusan bagi mengembang

luaskan pengetahuan berpanjangan kepada masyarakat secara komprehensif sepertimana yang dikehendaki oleh kerajaan.

Objektif pelaksanaan Program ini dijalankan adalah bertujuan untuk memberi pendedahan dan pengetahuan tentang pembudayaan tadbir urus dengan mencitrakan tonggak serta prinsip Malaysia Madani dalam segenap pelaksanaan tadbir urus khususnya sektor awam.



Program Alumni Maktab Sri Pinang 'Majlis Silaturahmi MPSP 2024'



Sesi Serahan Surat Kenaikan Pangkat Kakitangan UPSI

Diskusi "Normalisasi LGBT dalam Kalangan Mahasiswa: Apa Kata Mahasiswa?"

Kem Pembimbing Rakan Sebaya Kategori Bongsu, Bentuk Jati Diri Insan Berwibawa

Simposium Seni Silat dalam Tradisi Islam beri pendedahan kepada mahasiswa